

0002

R B187 DEB
MAHATHIR - POLIS

KUALA LUMPUR, 23 FEB (BERNAMA) -- KERAJAAN BERCADANG MENGADAKAN SATU HARI KHAS BAGI MEMPERINGATI JASA-JASA DAN KHIDMAT POLIS KEPADA BANGSA DAN NEGARA, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS DAMAI MESRA +MALAM JASA DIKENANG+ PERSATUAN BEKAS-BEKAS POLIS DI SINI, BELIAU BERKATA, SETAKAT INI POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM), TIDAK MEMPUNYAI SATU HARI KHAS BAGI MEMPERINGATI PENGORBANAN MEREKA KEPADA NEGARA.

BELIAU MENYANJUNG TINGGI PERJUANGAN DAN JASA PASUKAN POLIS DALAM USAHA MENJAGA KESELAMATAN DAN KENTENTERAMAN NEGARA, KHASNYA MENENTANG KEGANASAN KOMUNIS.

+PASUKAN POLIS MEMAINKAN PERANAN MENENTANG PEMBERONTAKAN BERSENJATA KOMUNIS DENGAN BEGITU BAIK SEHINGGA MEMBAWA KEPADA PERSETUJUAN PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) UNTUK MELETAKKAN SENJATA,+KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PASUKAN POLIS TELAH MEMIKUL TANGGUNGJAWAB BERAT UNTUK MENJAGA KESELAMATAN NEGARA BERSAMA PASUKAN TENTERA SEJAK DARURAT DIISYTIHARKAN PADA 1948. -- LAGI
0016MST 24 02 90

0003

U B188 DEB
MAHATHIR - POLIS 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, RAMAI ANGGOTA POLIS YANG TERKORBAN ATAU CEDERA KERANA KECACATAN ANGGOTA KETIKA BERTUGAS DAN PENGORBANAN ITU TIDAK DAPAT DIBALAS OLEH RAKYAT.

+KITA TIDAK DAPAT MEMBALAS JASA MEREKA NEGARA AMAT TERHUTANG BUDI KEPADA PASUKAN POLIS. MEREKA HANYA MENERIMA PENGHARGAAN DARI NEGARA MELALUI BINTANG-BINTANG DAN SAGUHATI,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

PADA MAJLIS ITU JUGA, PERDANA MENTERI MENYAMPAIKAN SUMBANGAN \$100,000 DARIPADA KERAJAAN KEPADA PERSATUAN ITU BAGI MEMBANTU MEREKA MELAKSANAKAN KERJA-KERJA AMAL DAN KEBAJIKAN. BELIAU JUGA MENERIMA SUMBANGAN CEK DARIPADA BEBERAPA SYARIKAT BAGI PERSATUAN ITU.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENYAMPAIKAN SIJIL PENGHARGAAN DARIPADA PERSATUAN ITU KEPADA BEBERAPA PEGAWAI POLIS YANG SEDANG BERKHIDMAT DAN TELAH BERSARA SEBAGAI MENGENANG JASA MEREKA.

YANG MENERIMA SIJIL PENGHARGAAN ANTARA MEREKA IALAH KETUA POLIS NEGARA TAN SRI HANIFF OMAR. -- BERNAMA
0018MST 24 02 90